

Headline	THT kekal tenang		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	13 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	8,784	Readership	26,352
Section	Sukan	Page No	16
ArticleSize	278 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,847		



THT kekal tenang

KUALA TERENGGANU: Terengganu Hockey Team (THT) tidak mahu mendabik dada meskipun selepas bergelar juara Piala Sumbangsih Liga Hoki Malaysia 2019 semalam, sebaliknya akan terus memberi tumpuan terhadap saingan liga yang akan bermula hari ini.

Jurulatih, Vikneswaran berkata meskipun THT mempunyai bakal satu mata setelah memenangi piala itu buat pertama kali selepas menyertai liga sejak 2013, tetapi mereka tidak boleh memandang rendah pasukan lawan kerana setiap pasukan mempunyai kelebihan dan kekuatan masing-masing.

"Impian kita hari ini (Jumaat) adalah untuk mengutip tiga mata dalam perlawanan ini dan kita sudah pun menang, ini adalah sejarah buat kita meskipun kita hanya dapat kutip satu mata kita akan teruskan perjuangan dan perbaiki yang mana kita perlu untuk saingan di masa depan," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas perlawanan yang diadakan di Padang Hoki Batu Buruk, di sini pada Jumaat.

Dalam perlawanan menentang pasukan UniKL itu kedua-dua pasukan pada mulanya terikat 2-2 sehingga penentuan pukulan penalti memberi kemenangan kepada THT 3-1.

Saingan Liga Hoki Malaysia 2019 akan bermula Ahad ini dengan penyertaan tujuh pasukan iaitu THT, UniKL, TNB, TNB Thunderbolts, Maybank, UiTM dan Nurinsafi.

Mengulas lanjut, Vikneswaran berkata pasukannya

mengambil serius perlawanan pertama liga Ahad ini bertemu pasukan TNB Thunderbolts.

"Pasukan ini (TNB Thunderbolts) terdiri daripada pemain-pemain muda, dan kita tidak memandang rendah keupayaan mereka kerana mereka mempunyai ciri-ciri permainan seperti pasukan senior mereka, TNB...jadi kita akan lihat dan menyusun strategi terbaik bagi mengutip mata untuk perlawanan Ahad ini," katanya.

Sementara itu, jurulatih UniKL, Arul Selvaraj menerima kekalahan menentang THT dengan hati yang terbuka meskipun agak kecewa kerana anak buahnya gagal memanfaatkan peluang mengutip mata pada suku masa pertama dan keempat perlawanan.

Katanya, faktor cuaca panas juga menyumbang kepada kelemahan pasukannya itu semalam memandangkan terdapat dua pemain importnya yang masih mengambil masa untuk menyesuaikan keadaan dengan cuaca panas di negara ini.

"Walaupun kecewa tetapi kita masih mempunyai satu mata dan akan terus fokus kepada liga untuk saingan liga meskipun kita menentang pasukan UiTM, tetapi kita tidak akan memandang rendah kekuatan mereka.

"Saya selalu ingatkan pemain saya, buat persiapan seperti mana menentang pasukan yang kuat, sebab bila kita di padang permainan akan jadi lebih mudah kerana kita telah berlatih dan membuat persiapan yang rapi," katanya.

Sementara itu, pasukan Maybank memulakan kempen Liga

Hoki Malaysia (LHM) 2019 dengan bergaya apabila membenam Nurinsafi/Hoki Kedah 5-1 pada aksi pembukaan divisyen Premier di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, malam Jumaat.

Amirullah Zainol muncul wira Maybank apabila meledak dua jaringan pada minit ke-26 dan minit ke-31, disusuli jaringan bekas pemain kebangsaan, Hafifahafiz Hanafi (minit ke-56), Muhammad Hafizhuddin Zaidi (minit ke-59) dan Muhamad Nazrey Din, selang seminit kemudian.

Nurinsafi/Hoki Kedah berjaya meraih gol saguhati menerusi pukulan sudut penalti yang disempurnakan Bajjit Singh Sarjab pada minit ke-53.

Juara Piala Tan Sri P. Alagendra 2019, Tenaga Nasional Berhad (TNB) turut mengutip tiga mata apabila menewaskan pasukan Universiti Teknologi Mara (UiTM) 4-1 dalam satu lagi aksi yang berlangsung pada sesi petang.

Empat gol TNB dijanginkan oleh empat pemain kebangsaan iaitu Muhamad Ramadan Rosli pada minit keempat, Mohamad Akhimullah Anuar Esook (minit keenam), Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abd Jalil (minit ke-11) dan Firhan Ashaari (minit ke-41).

UiTM berjaya meraih gol tunggal menerusi pukulan sudut penalti yang dijanginkan Mohamad Izuan Azhar pada minit ke-17. Satu lagi wakil divisyen Premier, TNB Thunderbolts akan memulakan kempen mereka menentang THT di Kuala Terengganu, hari ini. -Bernama